



4 Mac 2016
4 March 2016
P.U. (A) 50

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS) (PINDAAN) 2016

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF
INSURER MEMBERS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

**PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS)
(PINDAAN) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(1)(a) dan seksyen 77 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012 [P.U. (A) 496/2012], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “syarikat insurans” di mana-mana juga terdapat, kecuali dalam peraturan 2 dan 3, subperaturan 4(3), peraturan 11 dan 12, dan perenggan 1, jadual kepada perenggan 8, jadual kepada perenggan 9, jadual kepada perenggan 10 dan subperenggan 16(2) Jadual, dengan perkataan “anggota penanggung insurans”.

Pemotongan peraturan 2

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 2.

Pindaan peraturan 3

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong tafsiran “syarikat insurans baru”.

Pindaan peraturan 4

5. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi suatu anggota penanggung insurans—

(a) dalam tahun taksiran yang ia menjadi anggota penanggung insurans; dan

(b) dalam tahun taksiran sebaik selepas tahun taksiran yang ia menjadi anggota penanggung insurans.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Bagi mengelakkan keraguan, subperaturan (1) hendaklah terpakai bagi suatu anggota penanggung insurans digabung dan suatu anggota penanggung insurans yang bergabung sebagaimana yang diperihalkan masing-masing dalam subperenggan 18(1) dan (3) Jadual.”.

Pindaan peraturan 11

6. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “syarikat insurans baru” dengan perkataan “anggota penanggung insurans”;

(b) dengan menggantikan perkataan “syarikat insurans baru” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “anggota penanggung insurans”;

(c) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran pertamanya” dengan

- perkataan “tahun taksiran yang ia menjadi anggota penanggung insurans”;
- (d) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran keduanya” dengan perkataan “tahun taksiran sebaik selepas tahun taksiran yang ia menjadi anggota penanggung insurans”; dan
- (e) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:
- “(3) Bagi mengelakkan keraguan, subperaturan (2) tidak terpakai bagi suatu anggota penanggung insurans digabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 18(1) Jadual.”.

Peraturan baharu 13

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 12 peraturan yang berikut:

“Pelarasan bagi pengendali takaful

13. Bagi tahun taksiran 2016, jumlah markah untuk kriteria kuantitatif berkenaan dengan suatu pengendali takaful, selain suatu pengendali takaful yang menjadi anggota penanggung insurans dalam tahun taksiran 2015 atau 2016, hendaklah dilaraskan ke atas sehingga sepuluh peratus daripada jumlah markah itu, tertakluk kepada jumlah markah itu setelah dilaraskan tidak melebihi enam puluh peratus daripada jumlah pemarkahan kriteria.”.

Pindaan Jadual

8. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

“1. Dalam Jadual ini—

“Garis Panduan Mengenai Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful” ertinya garis panduan mengenai rangka kerja sistem levi berbeza bagi pengendali takaful sebagaimana yang dibuat oleh Perbadanan;

“Garis Panduan Mengenai Sistem Levi Berbeza bagi Syarikat Insurans” ertinya garis panduan mengenai rangka kerja sistem levi berbeza bagi syarikat insurans sebagaimana yang dibuat oleh Perbadanan;

“Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful” ertinya *Guidance Notes for Takaful Operators Statistical System on Submission of Monthly/Quarterly/Annual Statistical Returns* sebagaimana yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;

“Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans” ertinya *Guidance Notes for Insurance Companies Statistical System on Submission of Monthly/Quarterly/Annual Statistical Returns* sebagaimana yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;

“insurans komposit” berhubung dengan perniagaan insurans, ertinya kedua-dua perniagaan insurans hayat dan insurans am yang dijalankan oleh suatu anggota penanggung insurans;

“takaful komposit” berhubung dengan perniagaan takaful, ertinya kedua-dua perniagaan takaful perpaduan keluarga dan perniagaan takaful am yang dijalankan oleh suatu anggota penanggung insurans.”;

(b) dalam jadual kepada perenggan 2—

(i) berhubung dengan kriteria kuantitatif, dalam ruang (3)—

(A) dengan mengantikan perkataan “Bagi kedua-dua